

Headline	Malam Sejuta Harapan Inasis meriah		
MediaTitle	Utusan Malaysia (Utara)		
Date	24 May 2017	Language	Malay
Circulation	8,443	Readership	25,329
Section	News	Color	Full Color
Page No	30	ArticleSize	318 cm <sup>2</sup>
AdValue	RM 2,998	PR Value	RM 8,994



AMRI HASIM (belakang, empat dari kanan) bersama kakitangan dan mahasiswa sempena Malam Sejuta Harapan Inapan Siswa (Inasis) - Grantt Universiti Utara Malaysia (UUM) di Kubang Pasu, Kedah, baru-baru ini.

## Malam Sejuta Harapan Inasis meriah

**KUBANG PASU 23 Mei** - Malam Sejuta Harapan Inapan Siswa (Inasis)-Grantt Universiti Utara Malaysia (UUM) berlangsung meriah di Dewan Muadzam Shah UUM di sini baru-baru ini.

Lebih 800 jemputan hadir memeriahkan acara penuh gemilang tersebut termasuk mahasiswa dan kakitangan UUM.

Majlis dirasmikan oleh Pengurus Besar UMW Grantt International Sdn. Bhd., Amri Hasim pada malam penuh nostalgia zaman dahulu selain menyaksikan lebih 30 anugerah disampaikan sebagai menghargai sumbangan masing-masing.

Beliau yang merasmikan

Malam Sejuta Harapan itu turut berbangga kerana diberikan penghormatan untuk bersama mahasiswa dalam majlis tersebut.

“Sebagai sebuah syarikat swasta yang mencecah usia satu abad pada tahun ini, kami berasa amat bertuah dan berbangga kerana diberikan kesempatan untuk bekerjasama dengan sebuah institusi pengajian tinggi seperti UUM,” katanya dalam majlis itu.

Dalam pada itu, Pengetua Inasis Grantt, Dr. Faizal Md. Hanafiah melahirkan rasa bangga dengan kehadiran Pengurus Besar Grantt dan Pegawai Pe-

masarannya, Idora Ali Badarudin untuk memeriahkan majlis berkenaan.

“Saya juga berterima kasih kepada Presiden Alumni Institusi Latihan Kementerian Belia dan Sukan Malaysia (ILKBS) kerana menyumbangkan tiket penerbangan, pakej percutian untuk cabutan bertuah serta 30 hadiah lain,” katanya.

Antara anugerah yang disampaikan ialah Anugerah Sumbangsih JKPS, Pembantu Kediaman, JKPS Siswa Harapan, Siswi Harapan, JKPS Terbaik, Olahragawan, Olahragawati, Seniman, Seniwati dan Anugerah Pelajar Antarabangsa.